

Mahathir: Sumber arang batu di Sarawak boleh dimajukan

KUCHING, Selasa — Sarawak mempunyai sumber arang batu untuk dimajukan bagi memenuhi keperluan tempatan dan mungkin juga untuk eksport, kata Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamed hari ini.

Bellau, memberitahu para pemberita, sebuah syarikat Amerika sedang meneliti kira-kira 200 juta tan bahan tersebut di satu kawasan yang tidak diumumkan.

"Sebaik sahaja beberapa perjanjian dapat ditandatangani dengan mereka, saya yakin mereka akan memulakan satu kajian kemungkinan secara terperinci," katanya.

Di Selantik, Bahagian Pertama Sarawak, tambahnya, kira-kira 12 juta tan arang batu akan dimajukan oleh pihak tempatan dan Semenanjung Malaysia, termasuk kerajaan negeri Kedah dan pengusaha-pengusaha Jepun.

Eksport

Datuk Seri Dr. Mahathir berkata, arang batu diperlukan bagi kilang simen yang akan didirikan di Langkawi, Kedah dan arang batu bermutu tinggi itu juga boleh dieksport untuk digunakan bagi kilang-kilang besi.

Satu lagi kawasan di Bintulu telah dikenalpasti sebagai kawasan yang berpotensi di negeri ini dengan kandungan arang batu hampir 80 juta tan.

Mengenai kuasa hidro elektrik (HEP), Datuk Seri Dr. Mahathir berkata, ini adalah satu lagi potensi bagi negeri ini dan sekiranya dimajukan dengan betul akan memberi manfaat kepada negara.

Bagaimanapun, masalah-masalah seperti memerlukan modal yang banyak akan diputuskan oleh Kerajaan Persekutuan yang mungkin akan menimbangkan untuk projek-projek seumpama itu sekali dengan projek-projek besar yang lain di negara ini.

Kemungkinan kuasa hidro di Sarawak sungguh besar dan mengikut teori ia berkemampuan untuk membekalkan keperluan seluruh Jepun.

Sedangkan projek balupelagus di Bahagian Ketujuh mungkin dapat membekalkan sebahagian dari keperluan tenaga Semenanjung Malaysia menjelang tahun 2000.

Datuk Seri Dr. Mahathir yang melawat Bintulu semalam dan mendengar taklimat yang disampaikan oleh Pengurus Lembaga Pembangunan Bintulu, Encik Sulong Matjaraee, berkata usaha untuk menjadikan kawasan itu sebagai sebuah kompleks perindustrian telah berjalan dengan baik.

Bellau berkata, kejayaan projek-projek ini bergantung kepada sambutan rakyat Sarawak menyertai pembangunannya.

Bernama.